

---

# PELAPORAN ISU HARIMAU MALAYA DALAM *NEW STRAITS TIMES* DAN *THE MALAY MAIL*

*Elena An Ee Chee*  
Universiti Sains Malaysia  
elenaec98@gmail.com

*Mohamad Saifudin Mohamad Saleh*  
Universiti Sains Malaysia  
saifudinsaleh@usm.my

---

## REPORTING ON THE MALAYAN TIGERS ISSUE BY *NEW STRAITS TIMES* AND *THE MALAY MAIL* ABSTRACT

The Malayan tiger, or *Panthera Tigris Jacksoni*, was classified as a “critically endangered” species under the International Union for Conservation of Nature (IUCN) Species Red List in June 2015, with fewer than 200 Malayan tigers in the wild today. However, even though the Malayan tiger’s extinction is a serious issue, the Malaysian press still seems to pay little attention to reporting on it. Therefore, this study was conducted to examine the reporting themes, primary sources, and images used in reporting the Malayan tiger issue in two selected online newspapers, *New Straits Times (NST)* and *The Malay Mail*. Quantitative content analysis was selected as the research method, and the sample of Malayan tiger issue articles was taken for analysis from June 2015 to June 2020. The research found that these two online newspapers reported only 103 articles within five years. Conservation themes were the highest main theme in reporting the Malayan tiger issue by both newspapers, with the majority using pictures of objects in their reporting. However, the primary sources used in reporting the Malayan tiger issue are different between the two online newspapers, i.e., NST uses more sources from non-governmental organizations. In comparison, The Malay Mail uses more sources from the government. The findings of this study can contribute to knowledge in the field of environmental communication, especially regarding the importance of media reporting on the issue of animal extinction in Malaysia.

**Keywords:** *Malayan tiger, theme, image, source, newspaper, Environmental Journalism*

## PENGENALAN

Menurut Perikatan Pemuliharaan Malaysia untuk Harimau (MYCAT) (2019), harimau Malaya atau *Panthera Tigris Jacksoni* adalah subspecies harimau yang unik bagi Malaysia. Harimau

Malaya yang digelar sebagai Raja Rimba juga merupakan haiwan yang penting kepada Malaysia kerana menjadi simbol dalam Jata Negara sejak penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Sinar Harian*, 2021). Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (2008) menyifatkan harimau Malaya sebagai karnivor besar yang memainkan peranan penting dalam ekologi kerana haiwan ini mampu menjaga keseimbangan interaksi antara binatang pemangsa, herbivor dan kepelbagaian tumbuhan untuk kestabilan ekosistem hutan hujan.

Malangnya, pada 23 Jun 2015, harimau Malaya secara rasmi disenaraikan sebagai haiwan terancam kritikal dalam Senarai Merah Spesies Terancam IUCN (TRAFFIC Wildlife Trade Specialist, 2015). Jumlah populasi harimau Malaya telah menurun kerana spesies ini kehilangan tempat tinggal akibat daripada pembangunan pesat, pembukaan dan perkembangan kawasan pertanian serta pemburuan haram yang meluas (World Wide Fund, 2022). Sekiranya pengurangan spesies harimau Malaya tidak diberikan perhatian, Malaysia akan berdepan dengan risiko untuk menjadi sebuah negara yang dilabelkan sebagai negara yang tidak mampu untuk melindungi spesiesnya sendiri (Aljazeera, 2018).

Isu mengenai harimau Malaya memerlukan bantuan media khususnya akhbar dalam menyebarkan maklumat secara meluas kepada masyarakat khususnya berkenaan krisis kepupusannya. Hal ini kerana liputan yang baik mengenai sebarang masalah dalam akhbar bukan sahaja dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat, tetapi juga dapat membantu menyelesaikan masalah atau mengurangkan isu tersebut (Kumar, 2016). Narayan dan Sekhsaria (2019) menjelaskan bahawa pemaparan mengenai pemuliharaan hidupan liar dalam media berupaya untuk membentuk pendapat awam dan mempengaruhi pembuatan keputusan.

Ironinya, dapat dilihat bahawa akhbar lebih banyak memberikan tumpuan pada isu atau kontroversi berkenaan hiburan, politik dan ekonomi berbanding dengan isu alam sekitar yang disifatkan sebagai tidak mempunyai sensasi (Dorroh, 2015; Shravana Kumar, 2016). Tambahan pula, kajian-kajian lepas mengenai pelaporan akhbar terhadap isu sekitar lebih tertumpu pada isu seperti perubahan iklim, pencemaran, bencana dan isu-isu lainnya (Siti Nur Ain & Mohamad Saifudin, 2018; Jamilah & Habibah, 2016) berbanding dengan isu harimau Malaya. Dengan erti kata yang lain, hampir tiada kajian lalu yang telah mengkaji mengenai pelaporan isu harimau Malaya dalam akhbar-akhbar di Malaysia. Justeru, dengan mengambil kira tentang kelompangan kajian-kajian lalu dan kepentingan kajian mengenai corak pelaporan akhbar berkenaan isu harimau Malaya, kajian ini dijalankan dengan menganalisis bentuk pelaporan isu harimau Malaya dari Jun 2015 sehingga Jun 2020 dalam dua akhbar talian, iaitu *New Straits Times (NST)* dan *The Malay Mail*.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Peranan Media Dalam Pelaporan Hidupan Liar**

Kajian oleh Hughes et al. (2019) mengenai pelaporan terhadap beruang *Grizzly* mendapati bahawa berita mempunyai kekuatan untuk merangsang perasaan ingin tahu, mencetuskan perdebatan, atau menimbulkan tindak balas emosi melalui pbingkaiian dan pengulangan kandungan. Jacobson et al. (2011) dalam kajian mereka mendapati bahawa media telah berperanan penting dalam membentuk pemahaman, persepsi, tingkah laku individu berkenaan hidupan liar.

Selain itu, kajian oleh Santos dan Crowder (2021) mengenai penyu mendapati bahawa liputan media mengenai spesies terancam adalah sangat penting untuk memahami tentang persepsi masyarakat mengenai sesuatu isu penting dapat terbentuk, dan akhirnya dapat mendorong aktiviti pemuliharaan.

Kajian oleh Kumar (2016) terhadap liputan isu-isu hidupan liar dalam media cetak pula mendapati bahawa akhbar mempunyai peranan penting untuk membentuk kesedaran dalam kalangan pembaca mengenai hidupan liar dan membantu dalam mengurangkan masalah hidupan liar di sekeliling masyarakat. Namun, kajian oleh Lyngdoh et al. (2017) mengenai liputan isu-isu hidupan liar dalam media cetak mendapati bahawa isu hidupan liar tidak diberi perhatian utama dalam pelaporan akhbar.

Kajian oleh Stafford et al. (2018) yang mengkaji mengenai pelaporan akhbar terhadap hidupan liar dan manusia mendapati bahawa akhbar berkenaan lebih cenderung melaporkan konflik antara manusia dengan hidupan liar dengan cara yang sama. Di samping itu, kajian oleh Amiraslani dan Dragovich (2021) mengenai pelaporan media terhadap hidupan liar di Iran mendapati bahawa berita hidupan liar kurang diberi perhatian jika dibandingkan dengan berita sukan.

### **Tema, Sumber Dan Imej Dalam Pelaporan Akhbar**

Salah satu elemen yang penting dalam kajian akhbar ialah tema yang digunakan dalam pelaporan akhbar (Muhammad Azri Syazwan & Mohamad Saifudin, 2020). Dapatan kajian oleh Hughes et al. (2019) yang mengkaji mengenai beruang *Grizzly* mendapati tiga tema yang dominan dalam pelaporan tersebut, iaitu konflik antara beruang dengan manusia, pemburuan dan sains. Kajian oleh Lyngdoh et al. (2017) dan Santos dan Crowder (2021) pula mempunyai persamaan dalam penggunaan tema konflik, pelancongan, isu pemuliharaan, jenayah dan pendidikan dalam pelaporan isu hidupan liar.

Selain itu, sumber merupakan aspek penting dalam pelaporan media kerana sumber mempengaruhi kredibiliti berita, pemilihan berita dan kandungan pelaporan (He et al., 2020). Kajian oleh Dayer et al. (2019) dan He et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan sumber elit kerajaan adalah paling banyak dalam pelaporan isu alam sekitar kerana sumber ini mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam kalangan pembaca. Berbeza pula dengan kajian oleh Santos dan Crowder (2021), mereka mendapati bahawa sumber daripada organisasi bukan kerajaan paling banyak digunakan dalam pelaporan mengenai penyu.

Di samping itu, imej-imej alam sekitar sering disertakan dalam pelaporan akhbar kerana berupaya untuk meningkatkan impak dan kesedaran pembaca terhadap sesuatu isu (Tan & Mohamad Saifudin, 2018). Pernyataan ini dapat disokong oleh hasil kajian Maynard (2018) yang menganalisis isu hidupan liar berserta dengan gambar. Selain itu, kajian oleh Kumar (2016) juga mendapati bahawa kebanyakan artikel mengandungi sekurang-kurangnya satu gambar bersama teks daripada keseluruhan sampel yang dikutip, iaitu 300 buah artikel isu hidupan liar.

### **Teori Pembangkaian**

Menurut Arowolo (2017), pembangkaian ialah konsep yang pertama kali diajukan oleh Gregory Bateson pada tahun 1972. Shyam dan Madhu (2015) menyatakan bahawa pembangkaian media

adalah elemen yang penting dalam produksi berita. Teori pembingkai memberi fokus pada cara isu dibingkai untuk menyampaikan mesej yang tertentu kepada khalayak dan bagaimana sesebuah cerita hidupan liar yang dikomunikasikan dapat membentuk pendapat umum dan tingkah laku khalayak (Jacobson et al., 2018; Lopez-Baucells et al., 2017; Verissimo et al., 2017; Richardson, 2007). Justeru, teori pembingkai telah menjadi panduan yang penting kepada pengkaji dalam memahami corak pelaporan kedua-dua akhbar dalam talian dalam melaporkan isu berkenaan harimau Malaya khususnya berkenaan pembingkai tema, sumber dan imej yang dilakukan dalam pelaporan tersebut.

## SOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, tiga soalan kajian telah dikemukakan seperti berikut:

- Apakah tema pelaporan isu harimau Malaya dalam *NST* dan *The Malay Mail*?
- Apakah sumber yang digunakan dalam pelaporan *NST* dan *The Malay Mail*?
- Apakah imej yang digunakan untuk melaporkan isu harimau Malaya oleh *NST* dan *The Malay Mail*?

## OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu:

- Untuk menganalisis tema yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dalam *NST* dan *The Malay Mail*.
- Untuk mengkaji sumber yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dalam *NST* dan *The Malay Mail*.
- Untuk mengkaji imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dalam *NST* dan *The Malay Mail*.

## HIPOTESIS KAJIAN

Dalam kajian ini, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- H1: Terdapat perhubungan antara tema pelaporan isu harimau Malaya dengan akhbar dalam talian yang terpilih.
- H2: Terdapat perhubungan antara sumber utama yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dengan akhbar dalam talian yang terpilih.
- H3: Terdapat perhubungan antara jenis imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dengan akhbar dalam talian yang terpilih.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kuantitatif untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Siti Nur Ain dan Mohamad Saifudin (2018) menjelaskan bahawa kaedah analisis kandungan merupakan proses pengekodan mesej-mesej tanpa pengubahsuaian daripada bahan teks, imej visual dan ilustrasi berdasarkan skema yang telah diklasifikasikan.

Akhbar *NST* dan *The Malay Mail* dalam talian dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. *NST* dipilih kerana jumlah pembaca yang tinggi di Malaysia, iaitu seramai 175,000 orang pembaca di Malaysia (Nielsen Consumer dan Media View Q4, 2019) manakala *The Malay*

*Mail* dipilih kerana akhbar ini merupakan akhbar harian pertama yang muncul di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan dijadikan digital dengan memberi impak kepada pembaca di Malaysia. Kajian ini mengambil sampel pelaporan daripada kedua-dua akhbar dalam talian dari Jun 2015 sehingga Jun 2020 kerana harimau Malaya telah diklasifikasikan sebagai haiwan terancam kritikal dalam senarai merah oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) pada Jun 2015.

Selain itu, borang pengekodan digunakan sebagai instrumen kajian. Setiap kategori dalam borang pengekodan ini dibina dengan merujuk kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Muhammad Azri Syazwan dan Mohamad Saifudin (2020), Siti Nur Ain dan Mohamad Saifudin (2018), Apuke dan Omar (2020), Hughes et al. (2019), Killion et al. (2019), Lyngdoh et al. (2017), Santos dan Crowder (2021), Kumar (2016), Jamilah dan Habibah (2016) serta Mohamad Saifudin et al. (2021). Secara umumnya, terdapat empat kategori pengekodan dibina dalam borang pengekodan iaitu: (1) kekerapan dan jenis artikel yang dilaporkan mengenai isu harimau Malaya, (2) tema yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya, (3) sumber yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dan (4) imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya.

Pengekodan kategori pertama, iaitu kekerapan dan jenis artikel yang dilaporkan mengenai isu harimau Malaya merangkumi kategori seperti (1) media, (2) tahun, (3) bulan dan (4) jenis artikel/genre. Semua kategori yang disebut adalah merujuk kepada kajian lepas oleh Muhammad Azri Syazwan dan Mohamad Saifudin (2020) serta Siti Nur Ain dan Mohamad Saifudin (2018). Pengekodan kategori kedua, iaitu tema yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya terdapat tema-tema yang merujuk pada kajian lepas oleh Hughes et al. (2019), Killion et al. (2019) dan Lyngdoh et al. (2017). Pengekodan kategori ketiga iaitu sumber yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dilakukan dengan merujuk kajian lepas Santos dan Crowder (2021), Shravana Kumar (2016), Jamilah dan Habibah (2016) serta Mohamad Saifudin (2016). Subkategori yang merangkumi ialah (1) bilangan sumber, (2) sumber utama, (3) sumber kedua, (4) faktor pemilihan sumber. Pengekodan kategori terakhir iaitu imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya adalah merujuk kepada kajian lepas Mohamad Saifudin et al. (2021) serta Muhammad Azri Syazwan dan Mohamad Saifudin (2020). Sub-kategori termasuklah (1) ketersediaan imej, (2) bilangan imej, (3) bentuk imej, (4) jenis imej dan (5) keterkaitan antara imej dengan artikel.

Analisis data secara deskriptif telah menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) bagi mengenal pasti corak pelaporan isu harimau Malaya oleh kedua-dua akhbar dalam talian terutamanya dalam mengenal pasti tema utama, sumber utama dan imej yang digunakan. Selain itu, ujian Khi Kuasa Dua dilakukan untuk menguji ketiga-tiga hipotesis kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian mendapati sebanyak 103 artikel berkenaan isu harimau Malaya telah dilaporkan oleh kedua-dua akhbar dalam talian dari Jun 2015 sehingga Jun 2020. Berdasarkan Jadual 1, daripada jumlah keseluruhan artikel isu harimau Malaya yang dilaporkan oleh kedua-dua akhbar ini, sebanyak 49 (47.6 %) artikel isu harimau Malaya telah dilaporkan oleh *NST*, manakala sebanyak 54 (52.4 %) artikel isu harimau Malaya dilaporkan oleh *The Malay Mail* dalam tempoh lima tahun tersebut.

Selain itu, sepanjang tempoh lima tahun berkenaan, peratusan tertinggi pelaporan isu harimau Malaya oleh *NST* adalah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 21 (20.4 %) artikel. Akhbar *The Malay Mail* pula melaporkan isu harimau Malaya yang tertinggi pada tahun 2019.

Di samping itu, dari segi bulan pula, akhbar *NST* dan *The Malay Mail* melaporkan isu harimau Malaya yang tertinggi pada bulan Julai, iaitu sebanyak 17 (16.5%) artikel dan 9 (8.7%) artikel.

**Jadual 1: Kekerapan pelaporan**

| Bilangan Artikel | <i>NST</i>        | <i>The Malay Mail</i> | Jumlah            |
|------------------|-------------------|-----------------------|-------------------|
|                  | <b>49 (47.6%)</b> | <b>54 (52.4%)</b>     | <b>103 (100%)</b> |
| <b>Tahun:</b>    |                   |                       |                   |
| 2015             | 4 (3.9%)          | 3 (2.9%)              | 7 (6.8%)          |
| 2016             | 7 (6.8%)          | 9 (8.7%)              | 16 (15.5%)        |
| 2017             | 2 (1.9%)          | 5 (4.9%)              | 7 (6.8%)          |
| 2018             | 10 (9.7%)         | 5 (4.9%)              | 15 (14.6%)        |
| 2019             | 21 (20.4%)        | 16 (15.5%)            | 37 (35.9%)        |
| 2020             | 5 (4.9%)          | 16 (15.5%)            | 21 (20.4%)        |
| <b>Bulan:</b>    |                   |                       |                   |
| Januari          | 2 (1.9%)          | 1 (1.0%)              | 3 (2.9%)          |
| Februari         | 0 (0.0%)          | 3 (2.9%)              | 3 (2.9%)          |
| Mac              | 3 (2.9%)          | 7 (6.8%)              | 10 (9.7%)         |
| April            | 1 (1.0%)          | 4 (3.9%)              | 5 (4.9%)          |
| Mei              | 4 (3.9%)          | 3 (2.9%)              | 7 (6.8%)          |
| Jun              | 4 (3.9%)          | 4 (3.9%)              | 8 (7.8%)          |
| Julai            | 17 (16.5%)        | 9 (8.7%)              | 26 (25.2%)        |
| Ogos             | 2 (1.9%)          | 5 (4.9%)              | 7 (6.8%)          |
| September        | 5 (4.9%)          | 4 (3.9%)              | 9 (8.7%)          |
| Oktober          | 6 (5.8%)          | 5 (4.9%)              | 11 (10.7%)        |
| November         | 2 (1.9%)          | 4 (3.9%)              | 6 (5.8%)          |
| Disember         | 3 (2.9%)          | 5 (4.9%)              | 8 (7.8%)          |

Seperti yang tertera dalam Jadual 2 di bawah, hasil kajian ini mendapati bahawa kedua-dua akhbar dalam talian mencatatkan jumlah yang tertinggi bagi jenis artikel berita. Jumlah artikel berbentuk berita yang dicatat oleh *The Malay Mail* adalah lebih tinggi (N=46, 44.7%) berbanding *NST* (N=33, 32.0%).

**Jadual 2: Genre pelaporan isu harimau Malaya**

| Genre                  | <i>NST</i> | <i>The Malay Mail</i> | Jumlah     |
|------------------------|------------|-----------------------|------------|
| Berita                 | 33 (32.0%) | 46 (44.7%)            | 79 (76.7%) |
| Rencana                | 2 (1.9%)   | 1 (1.0%)              | 3 (2.9%)   |
| Temu Bual              | 2 (1.9%)   | 0 (0.0%)              | 2 (1.9%)   |
| Surat kepada Pengarang | 10 (9.7%)  | 0 (0.0%)              | 10 (9.7%)  |
| Pendapat               | 2 (1.9%)   | 7 (6.8%)              | 9 (8.7%)   |

### Tema Pelaporan Isu Harimau Malaya

Berdasarkan Jadual 3, tema pemuliharaan adalah tertinggi dalam kedua-dua akhbar dalam talian ialah sebanyak 13 (12.6%) buah artikel. Tema pendidikan adalah yang kedua tertinggi dalam pelaporan isu harimau Malaya oleh *NST* dengan sebanyak 12 (11.7%) manakala *The Malay Mail* mencatatkan kedua tertinggi dalam menggunakan tema polisi atau pengurusan (N=10, 9.7%).

**Jadual 3: Tema utama pelaporan isu harimau Malaya**

| Tema Pelaporan           | <i>NST</i> | <i>The Malay Mail</i> | Jumlah     |
|--------------------------|------------|-----------------------|------------|
| Konflik Manusia – Haiwan | 2 (1.9%)   | 8 (7.8%)              | 10 (9.7%)  |
| Isu Pemburuan            | 6 (5.8%)   | 1 (1.0%)              | 7 (6.8%)   |
| Pemuliharaan             | 13 (12.6%) | 13 (12.6%)            | 26 (25.2%) |
| Pelancongan              | 2 (1.9%)   | 4 (3.9%)              | 6 (5.8%)   |
| Pendidikan               | 12 (11.7%) | 8 (7.8%)              | 20 (19.4%) |
| Polisi/Pengurusan        | 5 (4.9%)   | 10 (9.7%)             | 15 (14.6%) |
| Pelaksanaan              | 5 (4.9%)   | 6 (5.8%)              | 11 (10.7%) |
| Penyakit Virus           | 4 (3.9%)   | 4 (3.9%)              | 8 (7.8%)   |

### Sumber Pelaporan Isu Harimau Malaya

Berdasarkan Jadual 4, akhbar *NST* dan *The Malay Mail* telah mencatatkan bilangan sumber tertinggi dalam menggunakan satu sumber sahaja, iaitu 34 (33.0%) bagi akhbar *NST* dan sebanyak 43 (41.7 %) bagi *The Malay Mail*. Sumber utama yang tertinggi bagi akhbar *NST* adalah sumber daripada organisasi bukan kerajaan (NGO) iaitu sebanyak 16 (15.5%) manakala *The Malay Mail* pula lebih banyak menggunakan sumber daripada kerajaan iaitu 29 (28.2%).

Bagi sumber kedua pula, akhbar *NST* dan *The Malay Mail* mencatatkan jumlah tertinggi dengan tidak menggunakan sumber kedua dalam pelaporan mereka mengenai isu harimau Malaya iaitu sebanyak 36 (35.0%) dalam akhbar *NST* dan 43 (41.7 %) dalam akhbar *The Malay Mail*.

Faktor pemilihan sumber yang tertinggi dalam akhbar *NST* ialah kebolehpercayaan sumber iaitu sebanyak 16 (15.5%), manakala bagi akhbar *The Malay Mail* pula, kewibawaan adalah faktor pemilihan sumber yang tertinggi dengan sebanyak 28 (27.2%).

**Jadual 4: Sumber dalam pelaporan isu harimau Malaya**

|                                 | NST        | The Malay Mail | Jumlah     |
|---------------------------------|------------|----------------|------------|
| <b>Bilangan Sumber</b>          |            |                |            |
| Satu                            | 34 (33.0%) | 43 (41.7%)     | 77 (74.8%) |
| Dua                             | 11 (10.7%) | 8 (7.8%)       | 19 (18.4%) |
| Lebih Daripada Dua              | 4 (3.9%)   | 3 (2.9%)       | 7 (6.8%)   |
| <b>Sumber Utama:</b>            |            |                |            |
| Kerajaan                        | 14 (13.6%) | 29 (28.2%)     | 43 (41.7%) |
| Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) | 16 (15.5%) | 11 (10.7%)     | 27 (26.2%) |
| Ahli Pakar                      | 12 (11.7%) | 12 (11.7%)     | 24 (23.3%) |
| Orang Ramai                     | 4 (3.9%)   | 0 (0.0%)       | 4 (3.9%)   |
| Pemerhatian/Pendapat Wartawan   | 3 (2.9%)   | 2 (1.9%)       | 5 (4.9%)   |
| <b>Sumber Kedua:</b>            |            |                |            |
| Kerajaan                        | 4 (3.9%)   | 4 (3.9%)       | 8 (7.8%)   |
| Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) | 5 (4.9%)   | 1 (1.0%)       | 6 (5.8%)   |
| Ahli Pakar                      | 2 (1.9%)   | 5 (4.9%)       | 7 (6.8%)   |
| Orang Ramai                     | 2 (1.9%)   | 0 (0.0%)       | 2 (1.9%)   |
| Kakitangan Universiti           | 0 (0.0%)   | 1 (1.0%)       | 1 (1.0%)   |
| Tiada                           | 36 (35.0%) | 43 (41.7%)     | 79 (76.7%) |
| <b>Faktor Pemilihan Sumber:</b> |            |                |            |
| Kesesuaian                      | 12 (11.7%) | 3 (2.9%)       | 15 (14.6%) |
| Kemudahan                       | 1 (1.0%)   | 1 (1.0%)       | 2 (1.9%)   |
| Kebenaran                       | 7 (6.8%)   | 5 (4.9%)       | 12 (11.7%) |
| Kebolehpercayaan                | 16 (15.5%) | 17 (16.5%)     | 33 (32.0%) |
| Kewibawaan                      | 11 (10.7%) | 28 (27.2%)     | 39 (37.9%) |
| Kejelasan                       | 2 (1.9%)   | 0 (0.0%)       | 2 (1.9%)   |

### Imej Pelaporan Isu Harimau Malaya

Berdasarkan Jadual 5 di bawah, akhbar *NST* lebih banyak menggunakan imej (N=48, 46.6%) jika dibandingkan dengan *The Malay Mail* (N=46, 44.7%) dalam pelaporan mengenai isu harimau Malaya. Kedua-dua akhbar dalam talian lebih banyak menggunakan satu imej sahaja dalam pelaporan mereka iaitu 41 (39.8%) bagi *NST* dan 40 (38.8%) bagi *The Malay Mail*.



Dari segi bentuk imej, penggunaan gambar dalam pelaporan isu harimau Malaya mencatatkan bilangan tertinggi bagi kedua-dua akhbar dalam talian iaitu 47 (45.6%) bagi *NST* dan 45 (43.7%) dalam *The Malay Mail*.

Selain itu, dari segi jenis imej pula, penggunaan gambar objek dalam pelaporan isu harimau Malaya juga mencatatkan tertinggi bagi kedua-dua akhbar dalam talian iaitu 28 (27.2%) bagi *NST* dan 22 (21.4%) bagi *The Malay Mail*. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa imej yang disertakan adalah berkaitan dengan artikel yang dilaporkan iaitu 46 (44.7%) bagi *NST* dan 45 (43.7%) bagi *The Malay Mail*.

**Jadual 5: Imej pelaporan isu harimau Malaya**

|   | <i>NST</i> | <i>The Malay Mail</i> | Jumlah     |
|---|------------|-----------------------|------------|
| <b>Ketersediaan Imej</b>                      |            |                       |            |
| Ya  | 48 (46.6%) | 46 (44.7%)            | 94 (91.3%) |
| Tidak   | 1 (1.0%)   | 8 (7.8%)              | 9 (8.7%)   |
| <b>Bilangan Imej</b>                          |            |                       |            |
| Satu  | 41 (39.8%) | 40 (38.8%)            | 81 (78.6%) |
| Dua   | 4 (3.9%)   | 3 (2.9%)              | 7 (6.8%)   |
| Lebih Daripada Dua                            | 3 (2.9%)   | 3 (2.9%)              | 6 (5.8%)   |
| Tiada Berkaitan                               | 1 (2.9%)   | 8 (7.8%)              | 9 (8.7%)   |
| <b>Bentuk Imej</b>                            |            |                       |            |
| Gambar  | 47 (45.6%) | 45 (43.7%)            | 92 (89.3%) |
| Lakaran/Kartun                                | 1 (1.0%)   | 0 (0.0%)              | 1 (1.0%)   |
| Pelbagai                                      | 0 (0.0%)   | 1 (1.0%)              | 1 (1.0%)   |
| Tiada Berkaitan                               | 1 (1.0%)   | 8 (7.8%)              | 9 (8.7%)   |
| <b>Jenis Imej</b>                             |            |                       |            |
| Manusia                                       | 7 (6.8%)   | 15 (14.6%)            | 22 (21.4%) |
| Gambar Objek                                  | 28 (27.2%) | 22 (21.4%)            | 50 (48.5%) |
| Alam Semula Jadi                              | 2 (1.9%)   | 0 (0.0%)              | 2 (1.9%)   |
| Gambar Pelbagai                               | 11 (10.7%) | 8 (7.8%)              | 19 (18.4%) |
| Gambar Bangunan                               | 0 (0.0%)   | 1 (1.0%)              | 1 (1.0%)   |
| Tiada Berkaitan                               | 1 (1.0%)   | 8 (7.8%)              | 9 (8.7%)   |
| <b>Keterkaitan Antara Imej dengan Artikel</b> |            |                       |            |
| Ya  | 46 (44.7%) | 45 (43.7%)            | 91 (88.3%) |
| Tidak   | 2 (1.9%)   | 1 (1.0%)              | 3 (2.9%)   |
| Tidak Berkaitan                               | 1 (1.0%)   | 8 (7.8%)              | 9 (8.7%)   |

### Hasil Ujian Hipotesis

Ujian Khi Kuasa Dua telah digunakan bagi menguji hipotesis kajian. Berdasarkan Jadual 6 di bawah, hipotesis nul diterima kerana nilai  $X^2 = 10.18$ ,  $df = 7$ ,  $p > .05$ . Hal ini menunjukkan

tidak terdapat perhubungan antara tema pelaporan isu harimau Malaya dan jenis media dalam talian yang terpilih.

Selain itu, bagi hipotesis kedua, hipotesis nul ditolak kerana nilai  $X^2 = 10.14$ ,  $df = 4$ ,  $p < .05$ . Hal ini telah menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara sumber utama yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dan jenis media dalam talian yang terpilih.

Seterusnya, hasil ujian khi kuasa dua juga menolak hipotesis nul kerana nilai  $X^2 = 12.33$ ,  $df = 5$ ,  $p < .05$ . Hal ini telah membuktikan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dan jenis media dalam talian yang terpilih.

**Jadual 7: Hasil ujian Khi Kuasa Dua**

| Komponen   | Nilai  | df | Asymp. Sig. (2 sided) |
|--|--------|----|-----------------------|
| (a) Tidak terdapat perhubungan antara tema pelaporan isu harimau Malaya dan jenis media dalam talian yang terpilih.                        | 10.177 | 7  | .179                  |
| (b) Terdapat perhubungan antara sumber utama yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dan jenis media dalam talian yang terpilih. | 10.140 | 4  | .038                  |
| (c) Terdapat perhubungan antara jenis imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya dan jenis media dalam talian yang terpilih.   | 12.334 | 5  | .030                  |

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah mendapati bahawa isu harimau Malaya adalah kurang dilaporkan dan diberikan perhatian oleh kedua-dua akhbar-akhbar tempatan. Sepanjang tempoh lima tahun sejak harimau Malaya dikategorikan sebagai spesies terancam kritikal, hanya sebanyak 103 artikel sahaja dilaporkan dalam akhbar *NST* dan *The Malay Mail* tentang isu berkenaan. Hasil kajian ini jelas bercanggah dengan pendapat pengkaji lalu seperti Lyngdoh et al. (2017) yang menyatakan bahawa pelaporan akhbar biasanya akan memberi fokus kepada spesies yang bersaiz besar seperti harimau dan sebagainya. Kekurangan pelaporan mengenai haiwan terancam kritikal seperti harimau Malaya akan menyebabkan kurangnya informasi dan pendedahan masyarakat mengenai keseriusan isu ini di Malaysia.

Selain itu, tema pemuliharaan merupakan tema yang dicatatkan tertinggi dalam pelaporan isu harimau Malaya oleh akhbar *NST* dan *The Malay Mail*. Hasil kajian ini adalah berbeza dengan hasil kajian-kajian lalu seperti oleh Hughes et al. (2019) dan Lyngdoh et al. (2017) yang mendapati bahawa konflik adalah tema yang paling banyak difokuskan sebagai tema pelaporan mengenai haiwan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa tema pemuliharaan amat penting untuk digunakan semasa melaporkan isu alam sekitar seperti harimau Malaya kerana ianya dapat mempengaruhi pemikiran dan tindakan khalayak (Jamilah, Gowri & Nur Nasliza Arina, 2015) terhadap kepentingan pemuliharaan.

Dengan memfokuskan tema yang positif seperti pemuliharaan berbanding tema negatif seperti konflik, kedua-dua akhbar ini sebenarnya dilihat cuba mbingkaikan kepentingan penjagaan dan kelestarian haiwan terancam harimau Malaya dalam minda pembaca.

Di samping itu, pengkaji juga menemui tema baharu dalam pelaporan isu harimau Malaya oleh *NST* dan *The Malay Mail* iaitu tema penyakit virus. Tema penyakit virus ditemui dalam lapan buah artikel oleh kedua-dua akhbar dalam talian. Contohnya, ekoran virus *COVID-19*, harimau Malaya juga dilaporkan akan dijangkiti oleh virus ini. Selain itu, kedua-dua akhbar juga telah melaporkan mengenai virus seperti *Canine Distemper Virus* iaitu sejenis virus yang akan menyebabkan haiwan keliru dan menentang pemangsanya. *Canine Distemper Virus* dan *COVID-19* merupakan isu kritikal kepada pemuliharaan harimau Malaya dan memberi impak yang sangat signifikan kepada populasinya (Ten et al. 2021). Jelas sekali bahawa tema penyakit virus amat penting untuk dilaporkan oleh akhbar bagi mendedahkan pembaca mengenai faktor lainnya yang boleh menyumbang kepada kepupusan spesies harimau Malaya di Malaysia.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, sumber utama yang paling banyak digunakan oleh kedua-dua akhbar dalam talian iaitu *NST* dan *The Malay Mail* adalah berbeza. Akhbar *NST* paling banyak menggunakan sumber utama dalam kalangan organisasi bukan kerajaan (NGO), manakala *The Malay Mail* pula paling banyak menggunakan sumber daripada kerajaan. Hasil kajian penggunaan sumber utama dalam *The Malay Mail* selari dengan hasil kajian oleh Kumar (2016) yang telah mencatatkan bahawa kerajaan merupakan sumber yang paling banyak digunakan dalam melaporkan isu haiwan liar jika dibandingkan dengan sumber dari NGO dan pakar hidupan liar. Dayer et al. (2019) juga mendapati sumber dari kerajaan merupakan sumber yang paling banyak digunakan dalam pelaporan isu spesies terancam. Hal ini kerana menurut He et al. (2020), penggunaan sumber kerajaan dalam pelaporan isu alam sekitar akan meningkatkan kredibiliti maklumat yang akan disampaikan kepada khalayak.

Kajian oleh Mohamad Saifudin (2016) mendapati bahawa badan bukan kerajaan alam sekitar (ENGO) dan saintis adalah sumber saintifik yang penting bagi akhbar dalam pelaporan isu alam sekitar. Kajian beliau juga memberi contoh bahawa WWF merupakan ENGO yang mempunyai ramai pakar dalam isu hidupan liar. Dapatan kajian oleh Mohamad Saifudin ini selari dengan hasil kajian ini kerana *NST* banyak menggunakan sumber dari NGO.

Di samping itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa gambar merupakan bentuk imej yang paling banyak digunakan oleh kedua-dua akhbar dalam talian bagi pelaporan isu harimau Malaya. Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Tan dan Mohamad Saifudin (2018) yang mendapati bahawa isu alam sekitar paling banyak menggunakan gambar dalam pelaporan jika dibandingkan dengan bentuk imej lain seperti gambar rajah dan sebagainya kerana gambar yang digunakan dapat meningkatkan impak dan kesedaran isu alam sekitar dalam kalangan pembaca.

Dari segi jenis imej yang digunakan dalam pelaporan isu harimau Malaya oleh kedua-dua akhbar dalam talian pula mendapati bahawa penggunaan gambar objek seperti gambar harimau Malaya dalam pelaporan *NST* dan *The Malay Mail*. Hasil kajian ini bertentangan dengan kajian oleh Muhammad Azri Syazwan dan Mohamad Saifudin (2020) yang mendapati bahawa gambar pelbagai merupakan jenis imej yang tertinggi dalam pelaporan akhbar.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini telah mendapati bahawa pelaporan isu harimau Malaya dalam akhbar di Malaysia masih terhad berbanding isu-isu lain seperti perubahan iklim. Sungguhpun begitu, sepanjang tempoh lima tahun, terdapat sebanyak 103 artikel yang majoritinya adalah berita telah melaporkan mengenai isu harimau Malaya dalam akhbar *NST* dan *The Malay Mail*. Jumlah ini walaupun terhad masih menyumbang kepada penyampaian informasi kepada pembaca tentang keseriusan isu harimau Malaya yang diancam kepupusan ini. Diharapkan akhbar-akhbar tempatan dapat memberikan lebih perhatian dan meningkatkan bilangan pelaporan mengenai isu harimau Malaya ini pada masa akan datang.

Selain itu, kajian ini secara keseluruhannya telah menyumbang kepada korpus ilmu bidang Kewartawanan Alam Sekitar di Malaysia yang masih 'hijau' berbanding bidang kewartawanan lainnya. Justeru, bagi memantapkan aspek kajian ini, pengkaji mempunyai dua cadangan utama yang boleh dipertimbangkan oleh pengkaji-pengkaji akan datang. Pertama, pengkaji mencadangkan kajian masa hadapan untuk memilih akhbar Malaysia yang lain dalam mengkaji mengenai pelaporan isu harimau Malaya agar dapat membentuk gambaran yang lebih menyeluruh mengenai liputan dan pemaparan akhbar dalam isu ini.

Kedua, kajian-kajian akan datang juga boleh menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual atau perbincangan kumpulan fokus dalam kajian mereka. Hal ini kerana kaedah temu bual atau perbincangan kumpulan fokus akan membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih mendalam mengenai cara pelaporan isu harimau Malaya oleh wartawan di Malaysia tentang isu harimau Malaya.

## RUJUKAN

- Ahmad, J., & Lateh, H. (2016). Media and the environment in Malaysia: An analysis on news coverage of landslide disaster in Kuala Lumpur. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 525–544. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2016-3202-26>
- Ahmad, J., Sritharan, G., & Mohamad Nasir, N. N. (2015). The effectiveness of video and pamphlets in influencing youth on environmental education. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 281–296. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3101-15>
- Amiraslani, F., & Dragovich, D. (2021). Wildlife and newspaper reporting in Iran: A data analysis approach. *Animals*, 11(6), 1487. <https://doi.org/10.3390/ani11061487>
- Arowolo, S. O. (2017). *Understanding framing theory*. Logos State University. <https://doi.org/DOI: 10.13140/RG.2.2.25800.52482>
- Brown, H. O., Jacobson, S. K., & Israel, G. (2020). Catastrophe and environmental restoration: Analyzing the frames and sources of oyster restoration news stories. *Journal of Applied Communications*, 104(4). <https://doi.org/10.4148/1051-0834.2340>
- Chin, M. (2020, April 1). Media in the time of MCO: *Malay Mail* grew most in readership among major English news site. *Malay Mail*. Retrieved from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/01/media-in-the-time-of-mco-malay-mail-grew-most-in-readership-among-major-eng/1852409>
- Dayer, A. A., Williams, A., Cosbar, E., & Racey, M. (2017). Blaming threatened species: Media portrayal of human–wildlife conflict. *Oryx*, 53(2), 265–272. <https://doi.org/10.1017/s0030605317000783>

- Global tiger day: Malayan Tiger Faces bleak future*. Wildlife Trade News from TRAFFIC. (n.d.). Retrieved December 24, 2022, from <https://www.traffic.org/news/global-tiger-day-malayan-tiger-faces-bleak-future/>.
- He, Y., Zhang, G., & Chen, L. (2020). Analysis of news coverage of haze in China in the context of sustainable development: The case of china daily. *Sustainability*, 12(1), 386. <https://doi.org/10.3390/su12010386>
- Hughes, C., Foote, L., Yarmey, N. T., Hwang, C., Thorlaxson, J., & Nielsen, S. (2020). From human invaders to problem bears: A media content analysis of Grizzly Bear conservation. *Conservation Science and Practice*, 2(4). <https://doi.org/10.1111/csp2.176>
- Jacobson, S. K., Langin, C., Carlton, J. S., & Kaid, L. L. (2012). Content analysis of newspaper coverage of the Florida panther. *Conservation Biology*, 26(1), 171-179.
- Jamilah, A., Gowri, S., & Nur Nasliza Arina, M. N. (2015). The effectiveness of video and pamphlets in influencing youth on environmental education. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 281-296.
- Jamilah, A., & Habibah, L. (2016). Media and the environment in Malaysia: An analysis on news coverage of landslide disaster in Kuala Lumpur. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 525-544. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2016-3202-26>
- K, M. (2018, December 17). Malayan tiger in crisis as poaching threatens to wipe out big cat. *Aljazeera*. Retrieved from <https://www.aljazeera.com/news/2018/12/17/malayan-tiger-in-crisis-as-poaching-threatens-to-wipe-out-big-cat>.
- Laman Web Rasmi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara Semenanjung Malaysia. (n.d.). Retrieved December 24, 2022, from <https://www.wildlife.gov.my/>.
- Lyngdoh, S., Dixit, D., & Sinha, B. C. (2017). Print mass media coverage of wildlife in the developing world. *Current Science*, 113(04), 564. <https://doi.org/10.18520/cs/v113/i04/564-570>
- Malayan Tiger*. MYCAT. (n.d.). Retrieved December 24, 2022, from <https://mycat.my/malayan-tiger/>.
- Maynard, L. (2017). Media framing of zoos and aquaria: From conservation to Animal Rights. *Environmental Communication*, 12(2), 177-190. <https://doi.org/10.1080/17524032.2017.1310741>
- Mohamad Saifudin, M. S. (2016a). Environmental communication among the media and environmental non-governmental organisation (ENGOS) in Malaysia: A roller coaster ride? (Tesis Ph.D tidak diterbitkan): Leuphana Universität Lüneburg, Germany.
- Mohamad Saleh, M. S., Heinrichs, H., & Nik Hasan, N. N. (2021). Role of images in constructing public opinion about environmental matters in Malaysia. *International Journal of Social Ecology and Sustainable Development*, 12(1), 115-130. <https://doi.org/10.4018/ijsted.2021010109>
- Muhammad Azri Syazwan Abdul Hamid & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh (2020). Analisis pelaporan akhbar *The Guardian* dan *The Telegraph* dalam talian terhadap isu penyalahgunaan bahan terlarang (doping) dalam kalangan atlet. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 8, 1-10. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=156127>.
- Narayan, T., & Sekhsaria, P. (2019). Media reporting on the protected areas in Maharashtra, India: A thematic analysis. *Journal of Threatened Taxa*, 11(3), 13360-13376. <https://doi.org/10.11609/jott.4461.11.3.13360-13376>

- Santos, B. S., & Crowder, L. B. (2021). Online news media coverage of sea turtles and their conservation. *BioScience*, 71(3), 305–313. <https://doi.org/10.1093/biosci/biaa175>
- Shravana Kumar S. (2016). Content analysis on coverage of wildlife issues by *Popular English* and *Kannada* newspapers of Bengaluru. (Doctoral Thesis, Christ University). Retrieved from <http://repository.christuniversity.in/7162/>.
- Shyam, S. T., & Madhu, B. J. (2015). Media and environmental framing: a study. *Journal of Environmental Research And Development*, 10(2), 375–383. <http://www.jerad.org/searchabstract.php>.
- Stafford, N. T., Welden, R. F., & Bruyere, B. L. (2018). Media reporting of conflict between wildlife and people spending time in nature. *Wildlife Society Bulletin*, 42(2), 246–253. <https://doi.org/10.1002/wsb.874>
- Status of malayan tigers*. WWF International. (n.d.). Retrieved December 24, 2022, from [https://www.wwf.org.my/tiger\\_facts/status\\_of\\_malayan\\_tigers/](https://www.wwf.org.my/tiger_facts/status_of_malayan_tigers/)
- Siti Nur Ain, & Mohamad Saifudin. (2018). Pelaporan berita pencemaran bauksit dalam akhbar dalam talian di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 13(1), 57–78. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30195/>.
- Tan, K. S., & Mohamad Saifudin, M. S. (2018). Pemaparan berita perubahan iklim dalam *Malaysiakini*, *The Malay Mail Online* dan *Free Malaysia Today*. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 6, 28–40. <https://www.researchgate.net/publication/341453591>.
- Ten, D. C., Jani, R., Hashim, N. H., Saaban, S., Abu Hashim, A. K., & Abdullah, M. T. (2021). *Panthera tigris jacksoni* population crash and impending extinction due to environmental perturbation and human-wildlife conflict. *Animals*, 11(4), 1032. <https://doi.org/10.3390/ani11041032>
- Wu, Y., Xie, L., Huang, S.-L., Li, P., Yuan, Z., & Liu, W. (2018). Using social media to strengthen public awareness of wildlife conservation. *Ocean & Coastal Management*, 153, 76–83. <https://doi.org/10.1016/j.ocecoaman.2017.12.010>